

Praktis Ekstra

Unit 3

**Tanggungjawab Diri Terlaksana
Hidup Makin Bahagia**

1. Nyatakan tanggungjawab diri dalam aspek berikut. TP 1

Menjaga kesihatan diri

(a)

(b)

(c)

(d)

Menjaga kebersihan diri

(a)

(b)

(c)

(d)

Menjaga keselamatan diri




(a)

(b)

(c)

(d)

2. Terangkan cara melaksanakan tanggungjawab diri. **TP 2 KBAT Mengaplikasi**



3. Berdasarkan keratan akhbar yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikutnya. TP 5 TP 6

Graduan cacat penglihatan genggam ijazah pada Konvokesyen UM 2010

Tiga OKU terima ijazah sarjana

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
saiful.sahak@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 3 Ogos – Ketekunan mengulang kaji pelajaran dan menterjemahkan bahan bacaan ke teks Braille akhirnya membuahkan hasil kepada tiga graduan cacat penglihatan apabila berjaya mengenggam ijazah sarjana pada Konvokesyen Universiti Malaysia (UM) 2010 di sini hari ini.

Mereka ialah Laxme Preyalatha, 34; Al-Azifah Mohd. Shafie, 30, dan Ahmad Shamsuri, 28.

Laxme cacat penglihatan sejak kecil bersyukur kerana usahanya berbaloi meskipun dia terpaksa berusaha lebih gigih berbanding rakan yang normal.

Anak kedua daripada tiga beradik itu menghadiahkan kejayaannya mengenggam segulung ijazah kepada diri sendiri dan ibu tersayang.

"Ibu menjadi pendorong kepada saya sehingga berjaya memiliki Ijazah Sarjana Pendidikan ini," katanya.

Dalam pada itu, Al-Azifah berkata, kejayaan bergelar graduan Sarjana Syariah menjadi penyuntik semangat untuk mendidik pelajar di sekolahnya.

Guru Sekolah Menengah Agama Muhammadiyah Pekan Sabak, Sabak Bernam itu berkata, perjuangannya belum selesai kerana berhasrat menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah.

Sementara itu, Ahmad berkata, kecacatan sejak lahir bukan penghalang untuk dia mencapai kejayaan dan memiliki Ijazah Sarjana Kaunseling.

"Walaupun perlu mengambil masa untuk menyesuaikan diri pada peringkat awal pengajian, ia tidak menjadi masalah besar buat saya."

"Bantuan daripada pensyarah, rakan-rakan sekuliah serta universiti ini memudahkan proses pembelajaran sepanjang pengajian ini," katanya.

Sementara itu, kegembiraan turut dikongsi pasangan kembar, K. Shamini Devi, 32, dan adiknya Shantini Devi yang juga berjaya menamatkan pengajian sarjana dalam bidang kaunseling.



TIGA rakan cacat penglihatan (dari kiri) Al Azifah Mohd. Shafie, Ahmad Shamsuri Muhamad serta N. Laxme Preyalatha, berkongsi kegembiraan bersama dua beradik kembar yang normal K. Shamini Devi (dua kiri) dan K. Shantini Devi setelah menerima sarjana masing-masing pada konvokesyen Universiti Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

- (a) Terangkan perasaan anda jika dapat melaksanakan tanggungjawab diri seperti gambar di atas.

- (b) Senaraikan **dua** perkara yang perlu diberikan perhatian untuk berjaya dalam pendidikan. **KBAT** Menilai

(i)

(ii)
